

03 DEC 1997

Anwar-Kediaman

ANWAR MAHU PENJELASAN MENGENAI KOS UBAHSUAI KEDIAMAN MB SELANGOR

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau akan mendapatkan penjelasan berhubung kos sebanyak RM5 juta bagi pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor.

" Saya baru baca (laporan akhbar)...saya akan dapatkan maklumat daripada Menteri Besar (Datuk Abu Hassan Omar) dan penjelasan beliau dan kemudian saya akan bagi keterangan selepas itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Galeria Perdana yang menyimpan koleksi cenderamata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kilim dekat sini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau cuma mengetahuinya selepas membaca laporan akhbar hari ini dan tidak diberitahu mengenai perkara itu.

"Elok saya tanya Menteri Besar dahulu sebelum membuat apa-apa komen", kata Anwar yang meluangkan kira-kira setengah jam melawat Galeria Perdana bersama-sama isteri beliau Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Turut sama melawat Galeria Perdana ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail.

Laporan muka depan Utusan Malaysia hari ini menyebut kerajaan Selangor membelanjakan RM5 juta untuk mengubahsuaikan kediaman Menteri Besar di Bukit Megawati, Shah Alam.

Laporan itu memetik anggota Exco Kanan kerajaan negeri Datuk Zainal Dahlan yang memberitahu Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor bahawa pengubahsuaian itu menggunakan peruntukan di bawah Jabatan Menteri Besar Selangor dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ia dibuat selepas mendapat cadangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan diluluskan dalam mesyuarat Exco Kerajaan.

Menurut laporan itu, kediaman rasmi yang dibina pada 1974 itu didiami oleh Datuk Hormat Rafie sehingga 1982 sebelum didiami oleh Datuk Ahmad Razali Mohamad Ali (1982-1986) dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib (1986 hingga April 1997). -- BERNAMA

NH NMO